



JKR NEGERI PERLIS
NOTIS SEBUT HARGA KERJA

JKR.PS.Q.SH(ELEKT) F060/2025(K)

**KERJA-KERJA PENYENGGARAAN LAMPU JALAN PERSEKUTUAN JALAN PADANG BEHOR -
GUAR SYED ALWI (FT186)**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di Perlis dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam Gred **G2 G3 G4 G5 G6 G7** Kategori **ME** Pengkhususan **E04 & E16 & E17**
(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini)
2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan
3. Kontraktor dikehendaki membuat pendaftaran melalui pautan <https://s3pk.jkr.gov.my/pc2/IklanDetails.aspx?refNo=PRO250320152430015> atau melalui imbasan QR Kod di bawah bermula dari tarikh **21/03/2025** bermula jam **08:00** pagi sehingga **26/03/2025** jam **12:00** tengah hari sahaja.
4. Harga Dokumen Sebut Harga adalah sebanyak **RM10.00 (Ringgit Malaysia: SEPULUH SAHAJA)** dan perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada **26/03/2025** jam **12:00** tengah hari. Kontraktor hendaklah memuatnaik slip bayaran dalam ruangan yang disediakan.
5. Dokumen Sebut Harga akan dihantar melalui **EMEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** (Emel persendirian tidak dibenarkan) yang telah didaftarkan seperti para 3, serta syarikat yang berjaya melepasi syarat dan kelayakan yang ditetapkan, bermula dari **27/03/2025** sehingga **09/04/2025**.
6. Dokumen sebutharga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan serahan tangan atau perkhidmatan pos dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga JKR Perlis** di Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, KM 3, Jalan Raja Syed Alwi Kangar 01000 Perlis **TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00** tengah hari, hari **KHAMIS, 10/04/2025**.
7. Sebarang pertanyaan sila emel ke **bkub.jkr.perlis@gmail.com** atau **sitinabilah@jkr.gov.my**



Sr Dr. MOHD AZIZI BIN IBRAHIM
JURUUKUR BAHAN KANAN
20/03/2025